

# Syarikat diarah henti guna jentera berat di Cameron Highlands

UM - 2 FEB 2003

KUALA LUMPUR 1 Feb. — Kerajaan tidak lagi membenarkan penggunaan jentera berat bagi kerja-kerja tanah di kawasan tanah tinggi Cameron Highlands dan syarikat terbabit perlu menghentikannya serta merta.

Menteri Sains Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Seri Law Hieng Ding berkata, arahan tersebut dikeluarkan bagi mengelakkan kejadian tanah runtuh dan pencemaran di kawasan yang sering menjadi tumpuan pelancong itu.

Katanya, pihak berkuasa tempatan terutama Majlis Daerah Cameron Highlands diberi tanggungjawab untuk menguatkuasakan larangan tersebut.

“Semua kerja tersebut perlu dihentikan serta merta dan ia di bawah bidang kuasa majlis (daerah) untuk bertindak,” katanya kepada pemberita selepas majlis rumah terbuka beliau sempena Tahun Baru Cina beliau di sini hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali serta Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi adalah tetamu istimewa pada majlis tersebut.

Hieng Ding berkata demikian ketika diminta mengulas laporan sebuah akhbar hari ini mengenai tindakan beberapa syarikat yang terus menjalankan kerja-kerja meratakan tanah atas kawasan seluas lapan hektar yang sebelum ini sebahagian daripada Ladang Teh Blue Valley, di Cameron Highlands walaupun telah diarah supaya menghentikannya.

Syarikat terbabit tidak mengendahkan arahan supaya menghentikan kerja-kerja terbabit sebanyak dua kali yang dikeluarkan oleh Pejabat Daerah Cameron Highlands.

Arahan pertama kerana menggunakan jentera berat dalam kerja-kerja membersihkan tanah dan yang ke-

dua kerana tidak menutup kawasan lereng yang telah ditarah.

Malah, denda RM500 yang dikenakan terhadap setiap jentera berat yang digunakan untuk kerja-kerja tersebut juga dianggap terlalu kecil dan tidak memberikan sebarang kesan.

Kerja pembangunan di Cameron Highlands mula diberi perhatian apabila lima terbunuh dalam satu kejadian tanah runtuh dan banjir lumpur di Kampung Raja pada 6 Januari 2000, lumpur di Kampung Raja, yang dipercayai akibat kerja pembangunan tidak dikawal.

---

## Mencukupi

Pada 9 Januari 2000, kira-kira 15,000 penduduk di Kampung Raja dan Blue Valley terputus hubungan juga akibat kejadian tanah runtuh.

Ditanya mengenai denda tersebut yang dikatakan terlalu rendah, Hieng Ding berkata, undang-undang sedia ada mencukupi, cuma agensi pelaksana iaitu majlis daerah perlu memastikan ia dilaksanakan dengan betul dan berkesan.

Pada masa yang sama, katanya, Kabinet juga telah bersetuju untuk melaksanakan garis panduan mengenai pembangunan di tanah tinggi termasuk menubuhkan satu jawatankuasa menge-nainya yang dipengerusikan oleh beliau.

Jawatan kuasa yang diwujudkan itu, kata beliau, akan mengawasi setiap projek pembangunan di kawasan tanah tinggi dan memastikan ia tidak menjejaskan alam sekitar.